

30 NOV 2001

KERAJAAN TIMBANG MINTA BERNAS BELI PADI, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan meminta PadiBeras Nasional Berhad (Bernas) membeli padi bagi mengatasi masalah lambakan padi di negara sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata masalah lambakan itu mungkin wujud disebabkan ada kegiatan penyeludupan beras ke negara ini.

"Padi tempatan kualitinya kurang menarik sebab itu pengilang tidak berminat hendak membeli," katanya ketika menjawab soalan daripada pemberita selepas beliau melawat rumah kelahirannya, di Jalan Kilang Ais, di sini.

Mengenai kemungkinan kerajaan meminta Bernas membeli padi yang dilambak itu seperti yang dilakukannya pada tahun lalu, Dr Mahathir berkata: "Yalah nanti kita tengok."

Kira-kira 300,000 tan metrik padi dilaporkan tersadai di 40 kilang milik pengilang beras kerana pengilang enggan membelinya pada harga biasa kerana harga beras yang lebih murah mudah didapati.

-- BERNAMA

JM NAK